



11 Oktober 2024

SIARAN MEDIA
Untuk Hebahan Segera



KARNIVAL BEST PROMOSI AKTIVITI SUKAN SUNNAH SAMBIL BERAMAL

Menyedari kepentingan pendedahan mengenai aktiviti sukan sunnah, Benua Equestrian Stable dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) bakal menganjurkan Karnival Best - Pertunjukan Berkuda dan Memanah Tradisional pada 20 Oktober 2024 bermula jam 8 pagi sehingga 1 tengah hari.

Bertempat di Benua Equestrian Stable, UPM, program tersebut menawarkan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung seperti pertunjukan berkuda, memanah berkuda, pertunjukan seni memanah tradisional *Hungary*, pertunjukan *tent pegging*, *hippoteraphy*, *archery fun shoot*, *joy ride*, *horse feeding*, pameran, taklimat, dan pelbagai lagi.

Ketua Projek Karnival Best merangkap Pegawai Kanan Bahagian Penjanaan Dana IR Malaysia, Mohd Hafiz Ab Majid berkata, mereka menyasarkan kehadiran seramai 1,500 pengunjung.

"Kami menyeru anda semua untuk menyertai karnival ini dengan tujuan untuk memperkenalkan sukan sunnah memanah dan berkuda disamping beramal untuk membantu golongan kanak-kanak yang memerlukan."

"Masuk ke karnival adalah percuma, namun kami menyediakan tempat duduk di bawah khemah yang boleh ditempah melalui pembelian tiket khas untuk pertunjukan berkuda dan memanah tradisional."

"Setiap pembelian tiket ini akan menyumbang kepada tabung *Charity Week* IR Malaysia untuk membantu murid-murid di sekolah pedalaman Sarawak," katanya.

Orang ramai yang ingin menyertai Karnival Best ini boleh mendapatkan tiket menerusi pautan <https://bit.ly/KarnivalBEST2024>.

Pakej harga tiket adalah mengikut kedudukan tempat duduk iaitu depan (Platinum – RM30), tengah (Gold – RM20) dan belakang (Silver – RM10). Tarikh tutup pembelian tiket ialah pada 18 Oktober 2024 (Jumaat).



Charity Week

Charity Week merupakan sebuah program kebajikan tahunan yang dikendalikan oleh para sukarelawan Islamic Relief bagi mengumpul dana untuk disalurkan kepada projek-projek kemanusiaan Islamic Relief yang memberi fokus kepada bantuan anak yatim dan kanak-kanak kurang berkemampuan di seluruh dunia.

Tahun ini, *Charity Week* akan berlangsung pada 21 hingga 27 Oktober 2024 dengan tema ‘Keadilan Sosial’.

Pasukan *Charity Week* IR Malaysia tahun ini menyasarkan kutipan dana sebanyak RM100,000 untuk projek penambahbaikan perpustakaan sekolah dan bantuan keperluan peralatan pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Nanga Kesit dan Sekolah Kebangsaan Nanga Menyebat, Lubok Antu, Sarawak bagi memberi manfaat kepada 145 pelajar.

- TAMAT -

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.
Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my*